

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90
Mac/April 1990
YFP 303 - Penerbitan Televisyen II

Jawab soalan 1 dan EMPAT soalan lain.

1. Pilihan tajuk bagi sesuatu laporan video haruslah berdasarkan kepada nilai beritanya atau sesuatu isu semasa yang menarik minat penonton. Merujuk kepada laporan video yang diterbitkan oleh kumpulan anda bincangkan setakat manakah ia berjaya daripada segi kandungan dan penyampaian. Perbincangan anda haruslah meliputi ciri-ciri laporan video tersebut yang memberi kekuatan dan kelemahan kepada mesejnya.

(20 markah)

2. Huraikan dengan ringkas syot-syot seperti berikut:

- a) syot pandangan umum (general view (GV) shot)
- b) syot pengenalan bagi tetamu
- c) syot latar ("wallpaper" shot)
- d) syot selitan (insert shot)
- e) syot sampingan (cutaway shot)

(20 markah)

3. Apakah perbezaan di antara menjalankan satu temuramah di dalam studio secara langsung (umpamanya sebagai sebahagian di dalam siaran berita) dan satu temuramah yang dirakamkan untuk digunakan kemudian (umpamanya untuk laporan video)?

(20 markah)

...2/-

4. Pilih satu tajuk berita tempatan ATAU satu tajuk berita antarabangsa yang sesuai untuk dijadikan ulasan berita untuk disiarkan pada hujung minggu ini, dan bincangkan bagaimanakah anda akan menjalankan penyelidikan untuk mengumpul bahan-bahan latar belakang untuk tajuk tersebut, bagaimanakah bahan-bahan tersebut akan diaturkan dan apakah grafik-grafik yang harus digunakan untuk ulasan berita tersebut. Tulis dua ayat pertama ulasan berita tersebut.

(20 markah)

5. Apabila anda menjalankan tugas penerbit studio bagi penerbitan berita televisyen,

- a) apakah perkara-perkara yang harus anda semak sebelum penerbitan bermula?
- b) apakah arahan-arahan yang biasa diberikan, sebelum dan sesudah penerbitan bermula, kepada:
 1. pengurus pentas
 2. jurukamera
 3. juruaudio, dan
 4. juruteknik yang menjaga VTR?

Andaikan penerbitan berita itu merangkumi berita (5 minit), ulasan berita (5 minit) dan temuramah (5 minit).

(20 markah)

6. "Kewujudan unsur-unsur keganasan di dalam rancangan-rancangan import di dalam siaran televisyen di Malaysia adalah ketara walaupun kesan-kesannya di atas penonton tidak begitu ketara". Bincangkan.

(20 markah)

-0000ooo-